

Bahagian A

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Malam itu Hisyam menerima panggilan. Dia melihat nombor pemanggilnya. Abangnya Harun.

"Helo, bang."

"Sampai hati kamu, Syam ..."

"Sampai hati apa, bang? Apa yang saya buat pada abang?"

"Kamu mainkan aku ya? Kamu tubuhkan syarikat dengan Halimah kemudian beli tanah ayah. Apa, itu bukan main?"

"Astaghfirullah ...! Abang ...! Kenapa abang cakap macam tu? Bukankah dulu saya dah sebut tentang syarikat tu. Abang tak setuju, abang mati-mati nak jual tanah tu. Harga itu abang juga yang tetapkan. Saya dan Kak Halimah ikut saja."

"Hm ... Yalah tu. Tapi kenapa kamu tak beritahu abang?"

"Saya adik. Saya tak mau nanti bertegang urat dengan abang, nanti saya tinggikan suara dengan abang. Saya tak mahu derhaka pada abang seperti juga saya tak mahu derhaka pada mak dan ayah."

"Pandai kamu cakap."

Hisyam diam. Dia mendengar telefon abangnya ditutup.

Dia menggeleng-gelengkan kepalanya sambil melangkah untuk berjumpa kakaknya yang baru sahaja letak jawatan di bank.

(Dipetik daripada "Sekeping Tanah",
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia)

- 1 Berdasarkan petikan, perkataan *bertegang urat* membawa maksud
 - A berdegil.
 - B bergaduh.
 - C bertumbuk.
 - D berantakan.
- 2 Mengapakah Harun begitu marah terhadap Hisyam pada malam itu?
 - A Hisyam dan Halimah menubuhkan syarikat
 - B Hisyam menderhaka kepada abangnya Harun
 - C Hisyam mendesak Harun supaya menjual tanah pusaka
 - D Hisyam dan Halimah membeli tanah pusaka ayah mereka
- 3 Berdasarkan petikan cerpen, perwatakan Hisyam ialah seorang yang
 - A berani.
 - B prihatin.
 - C rasional.
 - D pemurah.
- 4 Peribahasa yang tepat menggambarkan situasi adik-beradik walaupun pernah berselisih faham ialah
 - A bau-bau bacang.
 - B anjing dengan kucing.
 - C panas tidak sampai ke petang.
 - D air yang dicencang tidak akan putus.
- 5 Yang berikut merupakan nilai yang terdapat dalam petikan di atas, **kecuali**
 - A keberanian.
 - B kasih sayang.
 - C kebijaksanaan.
 - D hormat-menghormati.